



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Group Personal Accident

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Group Personal Accident. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Produk ini akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan anggota badan oleh orang yang diinsuranskan (cth.pekerja-pekerja anda/pekerja-pekerja/ahli-ahli) disebabkan kemalangan bermaksud dimana kecederaan hanya dan tidak bertanggung jawab pada sebarang sebab keputusan dalam kematian atau hilang upaya atau memerlukan perubatan dan /atau rawatan pembedahan.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi :

- Manfaat A - Kematian
 - Manfaat B - Hilang Upaya Kekal
 - Manfaat C1 - Hilang Upaya Sementara - (pilihan)
 - Manfaat C2 - Hilang Upaya Separa - (pilihan)
 - Manfaat D - Rawatan Pembedahan dan Perubatan - (pilihan)
 - Manfaat E - Pendapatan Hospital - (pilihan)
- } Hanya dapat digunakan untuk Orang yang Diinsuranskan yang bekerja

Manfaat-manfaat lain mungkin berbeza atas permintaan orang yang diinsuranskan.

Nota: Sila rujuk carta manfaat untuk kematian dan hilang upaya kekal di dalam polisi perjanjian. Tempoh perlindungan selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada keperluan pengunderaitan.

	Jumlah diinsuranskan (RM)	Premium (RM)
Kematian /Hilang Upaya Kekal	: _____	_____
Hilang Upaya Sementara / Hilang Upaya Separa	: _____	_____
Perbelanjaan Perubatan	: _____	_____
Lain - lain, _____	: _____	_____

Jumlah Premium yang perlu anda bayar ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

Had umur

- 16 tahun sehingga 65 tahun

Had Pengangkutan:

- RM3,000,000 atau keseluruhan Jumlah Diinsuranskan, mana-mana yang lebih rendah.

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Pampasan / Tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) berpandu pada “Jadual Manfaat” yang disertakan di dalam polisi. Walaubagaimanapun untuk rawatan perubatan, pampasan anda dikembalikan pada jumlah sebenar akibat subjek di dalam spesifikasi polisi ini. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi pembelanjaan perubatan.

Tunai sebelum Perlindungan (Guna pakai pada individu sahaja)

- Adalah asas dan mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Polisi dimana premium tamat tempoh mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh mula perlindungan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi secara langsung polisi insurans ini terbatal.

Jaminan Premium (lain-lain)

- Berdasarkan jaminan ini, polisi insurans ini secara langsung terbatal kecuali bayaran penuh telah dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermula perlindungan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan :

- Peperangan dan risiko berkaitan
- Membunuh diri (sama ada siuman atau kurang siuman) atau sebarang cubaannya
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada.
- Sakit, penyakit, dijangkiti
- Kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa sahaja komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- Terbang sebagai juruterbang atau kakitangan atau kakitangan di dalam sebarang penerbangan
- Perlakuan jenayah
- Sebarang jenis aktiviti sukan profesional.
- Aktiviti sukan yang berbahaya
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat- menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan maklumat anda yang terkini melalui ejen kami yang diberikuasa, cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk ke buku kecil maklumat insurans dalam “Insurans Kemalangan Diri”, terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari pengantara insurans anda atau lawat laman web www.insuransceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Group Personal Accident atau mana-mana jenis produk insurans kemalangan diri, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan

- Insurans Flexi PA Partner

NOTA PENTING

Anda dinasihatkan untuk memahami jadual manfaat untuk kematian dan hilang upaya di dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk melantik penama dan memastikan penama anda tahu tentang polisi kemalangan diri yang anda beli. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.